# Festival Konvokesyen Kelima UniMAP Meriah




KANGAR, 9 Ogos 2010 - Festival Konvokesyen Kelima UniMAP sempena Istiadat Konvokesyen Kelima UniMAP diadakan selama lima hari bermula 4 hingga 8 Ogos 2010 bertempat di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar, Perlis.




Majlis Perasmian disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Pelbagai acara diadakan sempena festival tersebut antaranya, Clash Of The Band, Malam Bisikan Cinta, Program Derma Darah, Autoshow, Pertandingan Catur Bistari dan lain-lain lagi.

Majlis Penutup pula disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Tan Sri Dato' Seri Hj. Zainul Ariff Hj. Hussin

